




MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

POLISI ANTI RASUAH INTEGRITI DAN GOVERNANS

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

NO. SIRI: SPAR(P)-MBJB-01

Isi Kandungan

① Pengenalan

1.1	Tujuan	[3]
1.2	Skop Kuat Kuasa Pemakaian Polisi	[4]
1.3	Pecahan Dokumen Polisi	[4]
1.4	Prinsip Polisi	[4]
1.5	Definisi	[5]
1.6	Perlakuan Berunsur dan Berpotensi Rasuah	[8]
1.7	Konteks Perundangan	[9]

② Penyataan Polisi [24]

③ Pelaksanaan Polisi [25]

④ Tadbir Urus

4.1	Pemilik Polisi dan Pengurus Dokumen Polisi	[27]
4.2	Kaedah Pemantauan dan Hebahan	[27]
4.3	Kawalan Versi dan Kronologi Perubahan	[27]
4.4	Dokumen Rujukan	[28]

	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU POLISI ANTIRASUAH, INTEGRITI DAN GOVERNANS	Edisi Pindaan: 1 No. Siri: SPAR(P)-MBJB-01
---	---	--

Diluluskan Oleh : Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am
Bil. 13/2025 Pada 23 Julai 2026

Tarikh Kuat Kuasa : 01 Ogos 2026

Pautan Rasmi : <https://www.mbjb.gov.my/flipbook/5>

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

- (i) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) komited untuk menegakkan standard tertinggi dalam aspek **antirasuah, integriti dan governans (tatakelola baik)** dalam setiap antaian penyampaian perkhidmatan perbandaran.
- (ii) MBJB mengamalkan **prinsip tolerasi sifar (zero-friction/ zero-tolerance)** terhadap sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dann pelanggaran etika.
- (iii) Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans ini disediakan untuk kegunaan MBJB sebagai panduan untuk mengendali, melaksana dan mentadbir urus perkara berkaitan antirasuah, integriti dan governans.
- (iv) Polisi ini menyediakan prinsip, garis panduan dan keperluan bagaimana untuk menangani amalan rasuah serta salah guna kuasa dalam Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Warga Kerja MBJB dan juga pihak berkepentingan yang berkaitan.
- (v) Polisi bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada semua Warga Kerja MBJB berkenaan kepentingan antirasuah, integriti dan governans. Selain daripada itu, ianya juga akan memberikan mesej kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan serta orang awam bahawa MBJB komited untuk melaksanakan agenda antirasuah, integriti dan governans dalam memberikan perkhidmatan dengan adil, berkesan dan telus.
- (vi) Polisi ini boleh dikemaskini sekiranya terdapat perubahan atau keperluan dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan atau pindaan terhadap polisi ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, MBJB dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Penuh, MBJB.

1.2 Skop Kuatkuasa Pemakaian Polisi

Polisi antirasuah, integriti dan governans ini adalah terpakai kepada semua pihak berkepentingan yang berurusan dengan MBBJ termasuk:

- Warga Kerja MBBJ (lantikan tetap atau kontrak);
- Kerajaan Negeri;
- Kerajaan Persekutuan;
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- Pertubuhan Bukan Kerajaan;
- Warga Bandar Raya;
- Pelabur Luar dan Pihak Swasta;
- Agensi dan Badan Kerajaan;
- Ahli-Ahli Majlis dan
- Pengurusan Tertinggi.

1.3 Pecahan Dokumen Polisi

Berikut adalah pecahan dokumen utama yang perlu didokumenkan, diluluskan dan dikuatkuasakan:

1.3.1 Dokumen Kluster Antirasuah

- (i) Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans
- (ii) Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*);
- (iii) Polisi Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan;
- (iv) Polisi Rakan Niaga Antirasuah;
- (v) Polisi Pengurusan Pemberian dan Penerimaan Dana, Sumbangan dan Tajaan;

1.3.2 Dokumen Kluster Integriti dan Etika

- (i) Polisi Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest Policy*)
- (ii) Polisi Etika Penggunaan Media Sosial

1.3.3 Dokumen Kluster Governans/ Tatakelola

- (i) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Pelaksanaan Ketekunan Wajar (*Due Diligence*)
- (ii) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Pengurusan Aduan Integriti
- (iii) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Pengesanan dan Pengesanan (Siasatan)
- (iv) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Tadbir Urus/ Tatakelola
- (v) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Pengukuhan Integriti
- (vi) Piawaian Prosedur Operasi (PPO)/ *Standard Operating Procedures (SOP)* Pematuhan
- (vii) Garis Paduan Pengurusan Tatatertib

1.4 Prinsip Polisi

MBJB turut memberikan penekanan kepada **empat (4) terma rujukan** berikut:

1.4.1 Reformasi Institusi dan Undang-undang

Mengenal pasti, mengkaji, memperkemas serta memperaku pindaan-pindaan yang diperlukan ke atas, undang-undang dan peraturan kementerian, Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi kerajaan yang mempunyai kelemahan dan/atau memerlukan penambahbaikan tatakelola termasuk pengukuhan institusi.

Pertimbangan dan perakuan yang dibuat perlulah berlandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) meningkatkan kebertanggungjawaban;
- (ii) ketelusan;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) mengurangkan risiko konflik kepentingan;
- (v) menjimatkan sumber;
- (vi) peruntukan undang-undang yang mencukupi; dan
- (vii) mengurangkan kerenah birokrasi.

1.4.2 Sistem dan Prosedur Kerja

Mengenal pasti, mengkaji serta memperaku apa-apa kelemahan atau perubahan terhadap sistem dan prosedur kerja sesuatu aktiviti di MBJB melalui penilaian risiko yang dilaksanakan secara berkala. Ini bertujuan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan organisasi; dan

Perakuan yang dibuat juga hendaklah dapat mencegah serta menutup ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Prinsip-prinsip yang diambil kira dalam merangka semula sistem dan prosedur kerja adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai kaedah semakan dan kawalan sistem;
- (ii) mengurangkan penompakan kuasa selaras dengan undang-undang sedia ada;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) sistem dan prosedur yang ringkas dan telus; dan
- (v) penggunaan teknologi maklumat dan pendigitalan, iaitu dengan menerapkan ciri-ciri prinsip ketelusan sistem aplikasi dan perkhidmatan digital.

1.4.3 Pemantauan dan Penilaian

Memantau dan menganalisis laporan-laporan berkaitan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan/atau peraturan bagi tujuan pengukuhan kawalan dalaman;

Menilai keupayaan dan keberkesanan pelaksanaan suatu undang-undang dan peraturan, kaedah kawalan dalaman serta kaedah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan; dan

Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola ke peringkat yang lebih tinggi berkan penilaian yang telah dilaksanakan.

Pemantauan dan penilaian hendaklah dibuat berkan kepada laporan-laporan yang perlu dikemukakan kepada JTK Peringkat MBBJ, antaranya seperti berikut:

- (i) Laporan isu-isu/statistik kes-kes tatatertib berhubung dengan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (ii) Laporan terpilih berkenaan kes-kes daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN);
- (iii) Laporan statistik kes rasuah melibatkan pegawai badan awam;
- (iv) Laporan berkenaan pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
- (v) Laporan daripada Unit Integriti (UI) kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi/badan berkanun;
- (vi) Laporan daripada Unit Integriti dan Governans (IGU) Badan Berkanun; dan
- (vii) Laporan-laporan lain yang berkaitan.

1.4.4 Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik

Mengkaji dan menilai keberkesanan mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam;

Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola baik yang merangkumkan pengurusan organisasi dan pembangunan insan bagi menjadikan amalan nilai sebagai budaya kerja perkhidmatan awam; dan

Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan latihan dan komunikasi strategik bagi mempromosi usaha-usaha Kerajaan berhubung pemantapan tatakelola perkhidmatan awam.

Kajian dan penilaian mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatakelola (JTK), MBBJ.

1.5 Definisi

Istilah dan singkatan yang digunakan dalam polisi ini adalah sebagaimana berikut:

- 1.5.1 Rasuah** - Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.
- 1.5.2 Suapan** - Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694.
Seksyen 3 – "suapan" ertinya:
- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
 - (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
 - (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
 - (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
 - (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
 - (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau

menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

1.5.3 Warga Kerja MBBB

- Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di MBBB serta agensi-agensi di bawah MBBB sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik. Warga Kerja MBBB juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun atau syarikat di bawah MBBB.

1.6 Perlakuan Berunsur Dan Berpotensi Rasuah

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut:

Transaktif <i>Transactive</i>	Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (win-win situation)
Memeras <i>Extortive</i>	Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan / kroni di tempat strategik (hotspot) dalam organisasi
Defensif <i>Defensive</i>	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
Investif <i>Investive</i>	Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan
Nepotisme <i>Nepotisme</i>	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu
Autogenik <i>Autogenic</i>	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
Menyokong <i>Supportive</i>	Penempatan proksi

1.7 Konteks Perundangan

- 1.7.1 Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] adalah seperti berikut:

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
1.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain – (a) Secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau (b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab – . (A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau (B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat, melakukan suatu kesalahan.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
2.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Seseorang melakukan kesalahan jika – (a) Sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau (b) Dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
3.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen Seorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya principal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.
4.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya – (a) Pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu; (b) Pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mempercepatkan, melambatkan, merintang atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
		(c) Pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau (d) Pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, Melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.
5.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan. (2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu,

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
		atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. (3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu. (4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.
6.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Hukuman / Penalti bagi kesalahan di bawah Seksyen 24 Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23 (1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh: (a) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi. kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
		(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh: (a) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi. (3) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh: (a) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan (b) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
7.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]	Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada Unit Integriti KPWKM, pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
		2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya. (3) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada Unit Integriti, KPWK, pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir. (4) Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
8.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Menerima Suapan Kecuali Bayaran Disisi Undang-Undang Berkenaan Dengan Sesuatu Perbuatan Rasmi Seksyen 161, Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
9.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Menerima Suapan Dengan Cara Tak Jujur Atau Menyalahi Undang-Undang Bagi Mempengaruhi Seseorang Penjawat Awam Seksyen 162, Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali
10.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Menerima Suapan Bagi Menjalankan Pengaruh Peribadi Atas Seseorang Penjawat Awam Seksyen 163, Jika Disabitkan Kesalahan Hendaklah Diseksa Penjara Selama Tempoh Yang Boleh Sampai Setahun Atau Dengan Denda Atau Kedua-Duanya Sekali
11.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Seksaan Bagi Penjawat Awam Kerana Persubahatan Bagi Kesalahan Yang Ditakrifkan Di Atas Seksyen 162 Dan Seksyen 163, Seksyen 164, Jika Disabitkan Kesalahan Hendaklah Dihukum Dengan Hukuman Penjara Boleh Sampai Hingga Tiga Tahun Atau Denda Atau Kedua-Duanya Sekali.



Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
12.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.
14.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

1.7.2 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
1.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694] (PINDAAN 2018)	Seksyen 3, a. mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694; b. kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235); c. kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5); d. sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau e. sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
2.	AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694] (PINDAAN 2018)	Kesalahan Oleh Organisasi Komersial Seksyen 17(A), (1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu, atau bagi faedah orang lain dengan niat – (a) Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau (b) Bagi memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu. Jika sesebuah organisasi komersial disabit kesalahan, hukuman di bawah Seksyen 17A (2) adalah denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali. Nota: Seksyen ini tidak terkena ke atas MBBJ namun boleh terkena ke atas individu yang menjadi ahli lembaga pengarah atau rakan kongsi boleh terkena ke atas Seksyen ini secara individu.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
3.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Mengambil Hadiah, dan sebagainya bagi mengelakkan pesalah daripada seksaan Seksyen 213, Warga kerja yang menerima, atau bersetuju menerima, atau cuba mendapatkan, meminta atau bersetuju menerima hadiah bagi menyembunyikan atau mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan dijalankan terhadap seseorang atas kesalahan yang dilakukan. Jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh penjara yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau denda, atau dengan kedua-duanya.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
4.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Menawarkan hadiah atau pemulangan harta sebagai balasan bagi mengelakkan pesalah daripada seksaan Seksyen 214, Wargakerja yang memberi atau menyebabkan diberi atau menawarkan atau bersetuju memberi atau menyebabkan diberi, apa-apa suapan kepada seseorang, atau bersetuju memulangkan atau menyebabkan dipulangkan apa-apa harta kepada seseorang sebagai balasan bagi orang itu menyembunyikan sesuatu kesalahan, atau baginya mengelakkan seseorang daripada seksaan undang-undang kerana sesuatu kesalahan, atau baginya tidak menjalankan tindakan bagi membawa seseorang kepada seksaan undang-undang. Jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan Jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan Jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh penjara yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
5.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Mengambil hadiah kerana menolong mendapatkan balik harta curi, dsb. Seksyen 215, Warga Kerja yang mengambil, atau bersetuju atau rela mengambil, apa-apa suapan untuknya atau untuk seseorang lain dengan pura-pura menolong atau kerana menolong seseorang untuk mendapatkan balik apa-apa harta yang boleh dialih yang telah diambil daripada orang itu dengan jalan melakukan sesuatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah Kanun ini, hendaklah, melainkan jika ia menggunakan segala ikhtiar yang ia berupaya bagi menyebabkan pesalah itu ditangkap dan disabitkan atas kesalahan itu, Diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda atau dengan kedua-duanya.
6.	Kanun Keseksaan [Akta 574]	Seksyen 384 - 389 (Jenayah Pemerasan) Seksyen 403 - 409 (Pecah Amanah) Seksyen 417 - 420 (Penipuan) Seksyen 465 - 471 (Pemalsuan)

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
7.	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan 1976, dan hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia sahaja. (2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan berhubungan dengan Negeri itu oleh Pihak Berkuasa Negeri, selepas berunding dengan Menteri, melalui pemberitahuan dalam Warta dan Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Menteri, menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan Akta ini yang berlainan dan boleh menguatkuasakan semua atau mana-mana daripada peruntukan Akta ini sama ada di seluruh Negeri itu atau di mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian Negeri itu sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu. [25hb MAC 1976, P.U. (A) 439/2010] DIPERBUAT oleh PARLIMEN MALAYSIA
8.	KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (KELAKUAN DAN TATATERTIB) (MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2023	Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Penjawat Awam [21hb MAC 2024, J. P.U. 7.] WARTA DITERBITKAN DENGAN KUASA KERAJAAN NEGERI JOHOR
9.	AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (AMLATFPUAA) 2001 [AKTA 613]	undang-undang yang memegang peranan penting dalam memerangi jenayah kewangan dan aktiviti yang berkaitan dengan pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan.

Bil	Nama Dokumen & Pautan Rasmi	Klausa Rujukan
10.	ORDINAN DARURAT NO. 22, 1970 –	Kesalahan salah guna kuasa dan percanggahan kepentingan. Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No. 2 (2021)) DIMASYHURKAN oleh YANG DI-PERTUAN AGONG menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.
11.	SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1997	Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tata tertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)

2.0 PERNYATAAN POLISI

“Menjadikan setiap Warga Kerja MBBJ membudayakan etika dan integriti dalam setiap tindakan dan keputusan dengan memperkukuhkan ciri-ciri moral dan etika melalui penerapan nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”.

Bagi memastikan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans MBBJ ini berjaya, **Sembilan (9) Objektif** di bawah ini perlulah dipatuhi:

- (i) Kami di MBBJ, berobjektif untuk membudayakan antirasuah, mengamalkan standard integriti tertinggi dan mengikut tatakelola tadbir urus yang baik. Sehubungan dengan itu, kami amat komited untuk melaksanakan dan mengamalkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah dalam menjalankan aktiviti kami serta perhubungan dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- (ii) Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan serta keperluan perundangan domestik mahupun antarabangsa;
- (iii) Polisi ini juga bersesuaian dengan hala tuju MBBJ merangkumi visi, misi, pelan strategik dan aspirasi negara;
- (iv) Kami tertakluk kepada Kod Etika Citra Unggul dan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans dalam urusan organisasi dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah;

- (v) Kami juga komited untuk memahami, mengamalkan dan mematuhi keperluan-keperluan di bawah Sistem Pengurusan Antirasuah;
- (vi) Melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*), MBBJ sentiasa memberi ruang kepada wargakerja dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam organisasi;
- (vii) Kami juga sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ISO 37001) dari semasa ke semasa;
- (viii) Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran adalah satu badan yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau Sistem Pengurusan Antirasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada Badan Pentadbir dan Pihak Pengurusan Atasan; dan
- (ix) Kami juga bakal berdepan dengan tindakan tatatertib mahupun tindakan undang-undang yang sewajarnya sekiranya gagal mematuhi kepada Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans ini.

3.0 PELAKSANAAN POLISI

3.1 Peranan Dan Tindakan

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, Warga Kerja MBBJ hendaklah memainkan peranan dan juga mengambil tindakan seperti berikut:

JANGAN MINTA	Warga Kerja MBBJ dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.
TOLAK	Warga Kerja MBBJ hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.
LAPOR	Warga Kerja MBBJ hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan atau Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran atau SPRM.

3.2 Pelaporan

Warga Kerja MBBJ boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

i.	Siapakah (<i>who</i>)	yang terlibat?
ii.	Bilakah (<i>when</i>)	kejadian berlaku?
iii.	Dimanakah (<i>where</i>)	kejadian berlaku?
iv.	Apakah (<i>what</i>)	kesalahan yang berlaku?
v.	Kenapakah (<i>why</i>)	kesalahan berlaku?
vi.	Bagaimanakah (<i>how</i>)	kesalahan berlaku?
vii.	Saksi atau dokumen	berkaitan (sekiranya ada)

3.3 Perlindungan Pemberi Maklumat

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, maklumat dalam aduan itu dan identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara Pegawai Aduan Integriti dengan pemberi maklumat (Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*), dan tidak boleh didedahkan atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah Seksyen 65, Akta 694.

3.4 Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

3.5 Pertanyaan Dan Pelaporan

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru

Aras 14, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum

80300 Johor Bahru

No. Tel: 07-219 8107 / 07-219 8117

(u.p: Pengarah Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran)

Emel: unitintegriti@mbjb.gov.my

4.0 TADBIR URUS

4.1 Pemilik Polisi Dan Pengurus Dokumen Polisi

Pemilik dan Penguatkuasa Polisi	Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru
Pengurus Dokumen Polisi	Pengarah Integriti dan Pemodenan Pentadbiran Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru

4.2 Kaedah Pemantauan Dan Hebahan

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	(i) Audit Dalaman MS ISO 37001 [SPAR] (ii) Audit SIRIM MS ISO 37001[SPAR] (iii) Jika ada Penambahbaikan akan dibawa ke Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, MBBJ bagi kelulusan
Penyiaran/ Hebahan Polisi	(i) Polisi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola, MBBJ (ii) Polisi diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Perkara Am, MBBJ (iii) Polisi disahkan dalam Majlis Mesyuarat Penuh MBBJ (iv) Polisi dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola, MBBJ (v) Edaran Surat Pemaklumkan Tarikh Kuat Kuasa Polisi (vi) Muat naik dalam Laman Sesawang Rasmi MBBJ (vii) Melaksanakan Naziran Berjadual selepas 6 Bulan Polisi diedarkan.

4.3 Kawalan Versi Dan Kronologi Perubahan

No Versi	Tarikh Diluluskan	Tarikh Kuat Kuasa	Pindaan
0	29.05.2024	01 Januari 2024	Pembangunan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans.
1	23.07.2026	01 Ogos 2026	Hasil Bengkel Pindaan Dokumen SPAR pada 06-08 Mei 2026

4.4 Dokumen Rujukan

Bil	Nama Dokumen
1.	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2.	Kanun Keseksaan (Akta 574)
3.	Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
4.	Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
5.	Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan.
6.	Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
7.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).
8.	Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.
9.	Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam 2017-2020 <i>Public Service Corruption Ranking (PSCR) 2017-2020</i>
10.	<i>Malaysian Standard ISO 37001 Anti-bribery Management Systems – Requirements with guidance for use (ISO 37001:2025, IDT) 17.10.2025</i>
11.	Kajian Malaysia <i>Integrity Assessment</i> (MyIA), Tahun 2014
12.	<u>Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Tatatertib dan Kelakuan) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023</u>
13.	<u>Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 dan</u>
14.	<u>Kaedah-Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023</u>



MBJB

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI



info@mbjb.gov.my

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru